



Berita Rakan Penabur



P.O.Box: 8327

Pejabat Pos Kelana Jaya
46787 Petaling Jaya, Selangor
Tel: 03-7805 2857

Email: wawasan.penabur@gmail.com

Rakan Penabur yang dikasihi,

Shalom dalam nama Tuhan kita yang hidup!

Kami percaya bahawa setiap kita masih lagi setia dalam menabur (waktu, sumber dan bakat kita) terutama untuk kerja-kerja pelayan penerbitan Bahasa Malaysia. Ingatlah apa yang dikatakan oleh Yesus: "Beginilah hal Kerajaan Allah itu: seumpama orang yang menaburkan benih di tanah, lalu pada malam hari ia tidur dan pada siang hari ia bangun, dan benih itu mengeluarkan tunas dan tunas itu makin tinggi, bagaimana terjadinya tidak diketahui orang itu. Bumi dengan sendirinya mengeluarkan buah, mula-mula tangkainya, lalu bulirnya, kemudian butir-butir yang penuh isinya dalam bulir itu. Apabila buah itu sudah cukup masak, orang itu segera menyabit, sebab musim menuai sudah tiba." Kata-Nya lagi: "Dengan apa hendak kita membandingkan Kerajaan Allah itu, atau dengan perumpamaan manakah hendaknya kita menggambarkannya? Hal Kerajaan itu seumpama biji sesawi yang ditaburkan di tanah. Memang biji itu yang paling kecil dari pada segala jenis benih yang ada di bumi. Tetapi apabila ia ditaburkan, ia tumbuh dan menjadi lebih besar dari pada segala sayuran yang lain dan mengeluarkan cabang-cabang yang besar, sehingga burung-burung di udara dapat bersarang dalam naungannya." (Markus 4:26-32)

Ini ada beberapa berita dari Wawasan Penabur:

Wawasan Penabur Sdn Bhd akhirnya berjaya didaftarkan sebagai satu entiti yang resmi pada pertengahan bulan March 2009. Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pemimpin dan penatua Pusat Injil Kelana Jaya (PIKJ), yang membenarkan kami menggunakan ruang gereja mereka sebagai pejabat operasional sementara kami.



Perhatikan akar pokok yang berbentuk hujung pena dalam logo kami. Ia melambangkan pekerjaan para penulis, penyunting dan penerbit yang telah menabur benih melalui tulisan. Pokok tersebut adalah lambing kepada satu komunitas baru yang tumbuh dan berkembang hasil dari usaha tersebut.




Visi kami adalah *"Menerbit dan menyebarkan bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia dalam respon kepada kekurangan penerbitan Kristian untuk dua-pertiga daripada jumlah penduduk Kristian di Malaysia yang berbahasa Malaysia"*

Untuk itu, kami mempunyai 3 tujuan utama:

- Untuk mengenalpasti, mengembang, menerbit dan mengumpul semua buku Kristian yang ada dari pelbagai penerbit; dan menyebarkan bahan sumber Kristian dalam Bahasa Malaysia
- Menggerak dan berjaringan dengan penulis, penterjemah, penyunting dan penerbit BM Kristian
- Membekal dan menguat pribumi Kristian di Malaysia sebagai murid Kristus melalui bahan sumber

Pada saat ini, laman web kami sedang dibangun oleh seorang sukarelawan

Pusat Sumber Wawasan Penabur telah diadakan untuk berfungsi sebagai satu perpustakaan bahan sumber dan penerbitan Kristian dalam Bahasa Malaysia. Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Seminari Teologikal Sabah di KK, Pusat Sumber BM Resource Center Malaysian Baptist Theological seminary di Penang, RBC Ministries di Johor Bahru, Pristine World dan Scripture Union di Selangor, Book of Hope Malaysia, dan individu-individu yang telah menyumbangkan buku mereka kepada kami. Jangan lupa perkenalkan kami penulis yang anda tahu, kerana kami percaya ianya seperti satu harta karun yang belum dijumpai!



Berita tentang Projek

- Penterjemahan Young Teen Aflame(YTA) & Youth Aflame (YA) kepada Bahasa Malaysia sedang berjalan. Ini adalah satu kurikulum 5-tahun bersepadu untuk muda-mudi (13-18 tahun). YTA & YA mempunyai rekod kesuksesan yang cemerlang dalam mengajar dan mencabar muda-mudi secara sistematik- menggunakan cara-cara kreatif dan praktikal supaya iman mereka tumbuh untuk menjadi pengikut Kristus. Versi BM ini diadaptasi sesuai dengan keperluan dan konteks pelajar-pelajar pribumi.
- Draf pertama buku *Apologetik Tetap Teguh* sudah selesai dan sedang disunting oleh beberapa *Rakan* sebelum kami membawanya kepada beberapa kelompok orang (dari pelajar sekolah, kelompok persekutuan Kristian di universiti, pelayan muda-mudi sehinggalah orang dewasa) untuk menguji isi kandungannya sebelum kami mula mencetak dan mengedar. Apologetik dan doktrin hadala seiring. Doktrin menjelaskan APA yang kita percata, sedangkan apologetik mengesahkan KENAPA kita percaya. Ia merangkumi sejumlah topik seperti Tuhan, Yesus, Alkitab, penderitaan dan penebusan dosa. Ia juga menjelaskan beberapa doktrin asas dalam proses pemuridan Kristian. Buku ini diharapkan dapat membantu iman umat Kristian yang setia untuk bertumbuh, dan menyediakan jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan tentang imannya.



- Bekerjasama dengan organisasi dan gereja untuk mengembangkan **Bahan Sumber Sekolah Minggu dalam Bahasa Malaysia**. Berdoalah untuk Pristine World dan SIB KL dalam projek pilot mereka menterjemah *Children's Bible Explorer Student Activity Workbook Ages 6-7* dari *Kejadian Jilid 1: Dari Penciptaan Sehingga Abraham*

Pertemuan Rakan Penabur

Pada 24th Mei 1738, John Wesley mengalami Pengalaman Aldersgate nya ketika dia menulis "saya merasa hati saya tersentuh dengan ajaib sekali". Itulah yang dirasakan oleh beberapa anggota Penabur kami (Roshan, Alvin & Huey Fern) ketika mereka dalam perjalanan memandu ke Pulau Pinang dan mulai berbicara tentang memulakan satu inisiatif tentang penerbitan Bahasa Malaysia di akhir bulan Mei tahun lepas!! Jadi, satu **Pertemuan Rakan Penabur** sedang dirancang pada akhir bulan Mei 2009 ini. Dan kami berharap akan ramai penulis, penterjemah, penyunting, penerbit, benifisiari BMDan mereka yang mempunyai hasrat untuk melihat pelayan BM berkembang di Malaysia akan datang berkongsi dan bersekutu dengan kami.

Akhir sekali... kami mengucapkan selamat Hari Easter. Hallelujah, Kristus telah bangkit!

Untuk maklumat lanjut, hubungi kami di:

Wawasan Penabur Sdn. Bhd.

P.O.Box: 8327

Pejabat Pos Kelana Jaya

46787 Petaling Jaya, Selangor

Tel: 03-7805 2857

Email: wawasan.penabur@gmail.com

Contact Person: Randy Singkee (rsingkee@gmail.com. Mobile: 012-3203987)